

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1997/98

September 1997

PLG 515 - Pendidikan dan Pembangunan

Masa : [ 2 jam ]

ARAHAN : Jawab DUA soalan sahaja

1. Mengapakah terdapat negara-negara yang membangun dan negara-negara yang kurang membangun? Terangkan jawapan anda dari perspektif fungsionalisme dan perspektif konflik. Apakah perbezaan di antara andaian-andaian yang diberi oleh kedua-dua perspektif ini?  
[ 100 markah ]
2. Mengapakah setiap kerajaan di mana-mana pun berminat terhadap pendidikan? Terangkan jawapan anda berasaskan teori sosialisasi, teori pembiakan, dan teori pengesahan. Apakah perbezaan di antara ketiga-tiga teori ini?  
[ 100 markah ]
3. "Isu Bahasa Kebangsaan dan isu yang berkaitan dengan bahasa pengantar di sekolah telah menjadi isu tunggal politik di Malaysia sejak negara mencapai kemerdekaan, hinggalah berlakunya krisis etnik pada tahun 1969" (Haris, 1990).  
Dengan merujuk kepada proses pembinaan bangsa dan tipologi pemilihan Bahasa Kebangsaan yang dicadangkan oleh Joshua Fishman (1971), bincangkan perkembangan-perkembangan yang berlaku sehingga mencetuskan keadaan tersebut.  
[ 100 markah ]
4. Mengapakah terdapat perkembangan pendidikan tinggi di kebanyakan negara? Terangkan sistem pendidikan tinggi di negara kita. Pada pendapat anda, peringkat pendidikan yang manakah yang patut diberi kepentingan oleh kerajaan? Berikan alasan-alasan untuk menyokong pendapat anda.  
[ 100 markah ]

-0000000-

